

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1998/99

Ogos/September 1998

HGM 234 - Geografi Penduduk dan Sumber Manusia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) soalan. Setiap soalan bernilai 25 markah.

1. Bincangkan evolusi geografi penduduk sebagai sub-bidang geografi yang sistematik sejak tahun 1950-an.
2. Jelaskan sebab-sebab terpenting berlakunya proses penuaan penduduk di negara-negara maju dan membangun dan bincangkan masalah-masalah yang akan timbul akibat daripada proses penuaan tersebut.
3. Bincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pola struktur umur dan jantina penduduk bagi negara-negara yang anda mempunyai pengetauan khusus.
4. **SAMA ADA**
 - (a) Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan kejatuhan kesuburan di negara-negara Eropah sejak kurun ke-19 hingga sekarang.

ATAU

- (b) Sejauhmanakah anda bersetuju bahawa faktor perancangan keluarga yang lemah dan keutamaan membentuk keluarga besar supaya kuat adalah merupakan faktor-faktor yang mengakibatkan kesuburan yang tinggi di Afrika masa kini sukar dikurangkan?

5. Jelaskan tren perubahan sebab-sebab utama kematian di negara-negara maju dan membangun sekarang ini dan apakah implikasinya terhadap perkhidmatan kesihatan dan peruntukan negara?
6. Sejauhmanakah anda bersetuju bahawa kemajuan sosio-ekonomi wilayah atau kawasan yang tidak seimbang di kalangan negara-negara membangun di Asia menjadi punca kepada pengaliran migrasi dalaman di antara kawasan-kawasan yang terlibat?
7. Bincangkan dasar-dasar dan strategi-strategi yang berkesan yang perlu dirancang dan dilaksanakan oleh negara-negara membangun bagi memajukan lagi pembangunan sumber manusia.
8. Bincangkan peranan yang boleh dimainkan oleh perbadanan antarabangsa dalam pembangunan sumber manusia.